

siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI

PEN. 10/76/ 101 (PM)

Embargo: Tidak boleh disiarkan sebelum
pukul 3.30 petang, 22.10.1976

DATUK HUSSEIN ONN RASMI KURSUS
KHAS KETUA-KETUA PENERANGAN UMNO

Ucapan Datuk Hussein Onn, Pemangku Presiden UMNO Malaysia, semasa meresmikan Kursus Khas Ketua-ketua Penerangan UMNO, di Wisma Persekutuan, Pulau Pinang, pada 22hb Oktober, 1976, pukul 3.00 petang.

Terlebih dahulu marilah kita mengucapkan syukur kepada Tuhan yang Maha Esa yang telah memberikan hidayah dan pertolongan kepada kita dapat mengadakan Kursus Khas Penerangan ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada sahabat saya, YAB Dr. Mahathir Muhammad, yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan yang telah berusaha bagi mengadakan kursus yang sangat penting ini.

Kursus Khas ini amatlah penting kerana kursus yang seperti ini akan dapat memberikan pengetahuan dan maklumat-maklumat yang perlu diketahui oleh Ketua-Ketua Penerangan Bahagian-bahagian yang merupakan alat penyampaian kepada ahli-ahli UMNO di segenap cerok dan cawangan-cawangan di seluruh Semenanjung Malaysia ini. Dengan jalan ini setiap ahli UMNO akan dapat pula mengikuti perkembangan-perkembangan politik tanah air, pergolakan-pergolakan dalam parti dan juga dasar Kerajaan dan pelaksanaan dasar itu.

Sebagai jentera penerangan kepada parti yang mendukung Kerajaan, Ketua-ketua Penerangan UMNO mempunyai dua peranan penting. Pertama: menerangkan dasar-dasar parti dan Kerajaan bagi mendapatkan sokongan dan keyakinan ahli-parti dan rakyat seluruhnya terhadap UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional.

Kedua: menyalurkan segala pendapat dan pandangan ahli-ahli parti dan rakyat ramai mengenai dasar-dasar yang dijalankan oleh parti dan Kerajaan supaya setiap dasar yang dilaksanakan oleh parti dan Kerajaan memenuhi hasrat dan kehendak ahli-parti dan rakyat seluruhnya.

Bagi menentukan Ketua-ketua Penerangan UMNO dapat menjalankan kedua-dua peranan ini dengan lebih berkesan lagi di masa akan datang, jentera pentadbiran parti di peringkat kebangsaan, khususnya Bahagian Penyelidikan di Ibupejabat UMNO Malaysia hendaklah diperkemaskan supaya Ketua-ketua Penerangan ini dibekalkan dengan bahan-bahan penerangan yang lengkap dan terbaru mengenai dasar-dasar parti dan Kerajaan.

Bahagian Penyelidikan ini hendaklah menyediakan bahan-bahan penerangan yang dipetik dan disusun dari ucapan-ucapan dasar Menteri-menteri atau dari sebarang ketetapan yang telah diputuskan oleh parti atau Kerajaan yang biasanya diumumkan atau diisytiharkan kepada ramai. Bahan-bahan ini hendaklah dikirimkan segera kepada Ketua-ketua Penerangan untuk pengetahuan ahli-ahli parti dan rakyat seluruhnya.

Di samping itu Bahagian Penyelidikan ini hendaklah mempunyai jentera yang cekap untuk menerima pendapat dan pandangan ahli-parti dan rakyat yang boleh disalurkan untuk kegunaan dan pengetahuan Menteri-menteri dan Pemimpin-pemimpin parti.

(tambahan)

Dengan adanya jentera penerangan dua hala ini, saya penuh yakin, setiap detik kegiatan dan perkembangan yang berlaku di peringkat pusat, negeri dan daerah akan dapat dirasai nadirnya oleh rakyat seluruhnya. Demikianlah juga pihak pentadbir parti dan Kerajaan di peringkat daerah, negeri dan pusat akan dapat merasai pelaksanaan kegiatan kemajuan yang dinikmati oleh rakyat. Jentera Penerangan akan dapat menyalurkan hasrat dan aspirasi rakyat yang boleh menyedarkan pemimpin-pemimpin kita di semua peringkat.

Pada hemat saya dengan adanya jentera penerangan yang sempurna dan tersusun, maka kebimbangan dan kecurigaan di kalangan orang awam akibat khabar-khabar angin atau desas-desus yang sengaja disebarkan oleh pihak-pihak tertentu untuk mencapai niat jahat mereka itu, dapat dihapuskan.


Kursus Khas pada kali ini dirasakan bertambah penting lagi oleh kita sekalian kerana kita sedang berhadapan dengan perkara-perkara yang penting pula iaitu :-

- i. Kita mahu mengujudkan perpaduan dalam parti supaya bertambah kokoh dan erat.
- ii. Kita mahu melahirkan kesedaran dan keinsafan yang meningkat di kalangan rakyat kita dalam penyertaan secara langsung bagi mencapai matlamat dasar ekonomi baru dan Rancangan Malaysia Ketiga.
- iii. Kita mahu memahami tentang kegiatan-kegiatan musuh kita dari golongan anti-nasional dan komunis yang hendak menghancurkan perpaduan kita dan menghalang terlaksananya cita-cita besar dari Rancangan Malaysia Ketiga itu.

Ketiga-tiga perkara yang saya sebutkan itu mempunyai kaitan di antara satu dengan lain.

UMNO yang telah berusia lebih dari 30 tahun ini telah melalui liku-liku sejarah pahit dan manis dalam perjuangannya. Kalau boleh saya mengibaratkan UMNO sebagai sebuah kapal yang sedang berlayar di tengah-tengah lautan yang luas, maka kapal ini telah pernah terumbang ambing kerana pukulan ombak dan badai yang kencang. Kapal ini telah pernah dilambong ombak yang meninggi langit dan hampir-hampir menjunam ke dasar lautan; telah pernah bertukar nakhodanya dari tokoh demi tokoh. Dari Allahyarham ayahanda saya, Datok Onn, membawa kepada pimpinan bapa merdeka kita, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, kemudian bertukar lagi ke tangan Allahyarham Tun Abdul Razak. Dalam masa kita sangat memerlukan tenaga dan fikirannya, dalam masa kita mencintai dan menyayangnya sebagai seorang pemimpin dan bapa pembangunan, tiba-tiba pemimpin kita itu pergi, pergi menemui Tuhannya, dan meninggalkan kita buat selama-lamanya. Kita yang masih tinggal ini terpaksa meneruskan perjuangan yang belum selesai itu, memikul tanggungjawab yang berat, dan dengan tiba-tiba pula saya mengambil alih pimpinan parti yang kita kasihi ini.

Demi sesungguhnya saya bukanlah seorang yang terbaik dari saudara-saudara bagi memegang pimpinan ini, dan bukanlah seorang yang telah disediakan bagi menyambung perjuangan ini. Tetapi inilah kehendak Tuhan, inilah takdir, inilah kudrat iradat Allah yang tidak dapat diketahui oleh manusia. Walau bagaimanapun, takdir dan kehendak Tuhan ini saya terima dengan segala keinsafan dan kesedaran, bahawa perjuangan yang besar ini tidak akan dapat mencapai tujuan dan matlamatnya tanpa pertolongan Allah dan sokongan saudara-saudara ahli-ahli UMNO dari semua peringkat dan golongan.



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN. 10/76/ 101 (PM)
(hubungan 3)

Saya insaf bahawa kejayaan UMNO pada masa-masa yang sudah, sejak dari kita menghancurkan Malayan Union sampai kepada perjuangan kemerdekaan dan sekarang sedang mengisi kemerdekaan itu adalah berpunca dari satu RAHSIA yang besar yang dipunyai oleh UMNO iaitu PERPADUAN. Perpaduan merupakan cogankata UMNO yang termaktub dalam Perlembagaan UMNO dalam fasal 2 iaitu:

BERSATU, BERSETIA, BERKHIDMAT

Kita BERSATU menghadapi sebarang rintangan dan halangan. Kita bersatu membulatkan tekad untuk mencapai tujuan dan matlamat perjuangan.

Kita BERSETIA kepada niat dan dasar perjuangan kita. Kita BERSETIA kepada pemimpin dengan perasaan tulus ikhlas dan tidak BERBELAHBAGI.

Kita BERKHIDMAT untuk tujuan suci kita yang digariskan oleh Parti iaitu berkhidmat untuk BANGSA, UGAMA dan NEGARA dengan tidak mengharapkan sebarang balasan, selain dari RAHMAT ALLAH dan HIDAYAHNYA kepada kita sekalian.

Alhamdulillah, kita mengucapkan syukur kepada Allah kerana apa yang telah kita lalui itu, telah kita lalui dengan semangat COGANKATA yang kita punyai itu. Semangat COGANKATA inilah yang hendak kita jadikan landasan seterusnya bagi menyambung perjuangan parti yang masih jauh ini. Dengan semangat itulah jua saya harapkan akan dapat mengokohkan lagi perpaduan kita yang tetap kokoh itu.

Saudara-saudara sekalian,

Pucuk pimpinan yang saya pegang sekarang ini adalah merupakan satu cabaran yang besar kepada saya. Beberapa peristiwa telah berlaku dalam parti. Tetapi yang mana pentingnya ialah, adakah parti kita ini akan tetap kokoh dan utuh? Adakah UMNO dalam masa pimpinan saya

ini akan dapat mencapai cita-cita UMNO yang telah diamanahkan kepada saya? Dalam masa saya mulai memegang pimpinan ini, saya sedar bahawa cubaan datang silih berganti. Belum lagi kering air mata kita kerana kehilangan pemimpin yang kita kasihi, Allahyarham Tun Abdul Razak, kita menghadapi cabaran dan cubaan yang tidak kecil ertinya, yang sebanyak sedikit menyentuh keutuhan dan kekuatan parti. Cubaan-cubaan itu menguji kekuatan kita lahir dan batin, menyentuh jiwa kecil kita dan badan besar pertubuhan kita itu.

Ada masanya seakan-akan kita hampir kehilangan pedoman bagi mengatasi cabaran itu. Tetapi bagi saya tidak pernah kehilangan pedoman, saya kembali merujukkan semua perkara kepada keputusan pimpinan parti dan bermesyuarah mengikut kehendak-kehendak parti. Mungkin pendapat dan pandangan saya berbeza dengan pandangan dan pendapat pemimpin-pemimpin lain dalam parti. Perbezaan pendapat dari pemimpin-pemimpin parti bukan sahaja terdapat dalam mesyuarah parti, tetapi jelas bergema di luar parti, tersiar lebar di dalam akhbar-akhbar, seakan-akan satu perpecahan dalam parti telah wujud, krisis telah nammoek. Bolehkah ini satu perpecahan? Dengan tegas saya berani memberikan jawapan, bahawa tidak ada perpecahan dalam parti dengan erti kata perpecahan, yang boleh meruntuh parti pada keseluruhannya.

(tambahan)

bahawa tidak ada PERPECAHAN dalam parti dengan erti kata PERPECAHAN, yang boleh meruntuh parti pada keseluruhannya.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka menegaskan disini bahawa tidak ada perpecahan dalam parti, bahawa UMNO sekarang ini adalah satu dan padu dan tidak berbelah bagi, bahawa tidak ada kejadian merebut kuasa antara puak dan gulungan dalam UMNO. Saya menafikan dengan sekeras-kerasnya bahawa ada pergolakan dan perpecahan dalam UMNO. Biarlah saya jelaskan bahawa UMNO sekarang ini adalah kukuh, kuat, teguh dan bersatupadu.

Dalil yang nyata bahawa UMNO masih wujud tegak sebagai sebuah parti yang kuat hari ini bolehlah disaksikan sendiri. Ketua-ketua Penerangan UMNO di tiap-tiap Bahagian di seluruh Semenanjung Malaysia berhimpun selama tiga hari di Pulau Pinang menghadiri Kursus Khas ini. Pemimpin-pemimpin UMNO peringkat negeri dan pusat ada bersama-sama kita di Pulau Pinang ini. Esok pucuk pimpinan akan bermesyuarah, berpadukan fikiran dan pendapat mengatasi masalah negara.


Tetapi apa yang berlaku dan yang sedang berlaku dalam parti sekarang ini ialah PERBEZAAN PENDAPAT, PERBEZAAN TAFSIRAN, PERBEZAAN PANDANGAN dalam mengatasi satu-satu masalah yang timbul. Saya tidak terfikir, bahawa perbezaan-perbezaan ini semuanya boleh dianggap sebagai satu PERPECAHAN dan saya tidak terfikir sama sekali bahawa kebebasan mengeluarkan pendapat dan fikiran ini boleh membawa kepada pecah belahnya parti.

Walau apa pun pendapat dan tafsiran dalam masalah-masalah yang kita hadapi itu, tidak hanya terhenti setakat itu sahaja, kita akan menyelesaikannya dengan semangat BERSATU, BERSETIA DAN BERKHIDMAT itu tadi. Kita akan hadapi semuanya itu dengan mesyuarah. Kita putuskan dalam Majlis Kerja Tertinggi parti; keputusan itu ialah keputusan PARTI bukan keputusan orang perseorangan, bukan kerana tekanan-tekanan atau desakan-desakan dari dalam atau luar parti.

Saya akui ada berlaku sebanyak sedikitnya kekerohan dalam parti. Yang amat dikesalkan dan saya sendiri merasa sedih kerana terdapat gulunga-gulungan luar UMNO yang mengeksploitasikan suasana ini. Saya sukalah mengingatkan JANGAN CUBA MENANGGOK DIAIR YANG KEROH INI. Kekerohan ini, kalau kita boleh menggunakan perkataan itu, hanya berlaku dalam kelompok kita sendiri, dalam rumah tangga kita sendiri dan parti kita sendiri, dan orang lain tidak berhak campur tangan dalam urusan kita, dan PENANGGOK-PENANGGOK yang tidak di UNDANG ini JANGAN CUBA MENANGGOK dalam bidang urusan kita sendiri. Saya tidak rela dan saya tidak suka, saya ulangi, saya tidak rela dan tidak suka orang lain mencampuri hal ehwal kita sepertimara saya tidak suka mencampuri hal orang lain dan parti lain.

Saya sukalah berterus terang disini bahawa saya tidak pernah campurtangan dalam hal persoalan keluarga parti lain. Dengan semangat dan hasrat inilah juga saya berharap pemimpin-pemimpin parti lain janganlah lagi mencampuri hal keluarga parti kita. Biarlah, kalau ada perselisihan faham dalam UMNO kemudian hari kelak, di selesaikan sendiri

(tambahan)



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN. 10/76/ 101 (PM)
(hubungan 5)

oleh pemimpin-pemimpin dan anggota UMNO tanpa gangguan atau campurtangan pihak-pihak parti lain. UMNO yang telah berusia lebih 30 tahun ini telah cukup dewasa dan arif bagaimana hendak menyelesaikan pertikaian-pertikaian dalam parti kita sendiri.

Oleh kerana itulah saya katakan, bahawa perpaduan kita ini hendaklah kita pelihara dengan baik. Sekalipun terdapat perbezaan pendapat, tetapi perbezaan ini janganlah sampai memberi peluang kepada orang lain untuk memecah kita jatuh berderai. Kalau perpecahan dalam parti kita ini berlaku, yang akan beruntung bukan kita, bukan bangsa kita, bukan ahli-ahli parti tetapi ialah musuh-musuh kita dan orang-orang yang sedang menunggu perpecahan itu ujud.

Saudara-saudara sekalian,

Memanglah menjadi pengetahuan ramai bahawa UMNO dari sejak lahirnya sentiasa tegoh dan kukuh dalam sebarang suasana dan keadaan. Keutuhan dan keteguhan sentiasa dapat dipelihara kerana sikap ahli-ahlinya yang menghargai nilai-nilai perpaduan. Inilah satu tabiat terpuji yang sentiasa ada pada orang-orang Melayu yang amat dibanggakan, iaitu sentiasa taat setia kepada pucuk pimpinan dan patuh kepada keputusan pemimpin-pemimpin yang mereka telah pilih itu.

Saya penuh yakin tabiat mulia ini akan dapat dipelihara serta menjadi warisan jenerasi muda dalam parti supaya UMNO akan terus hidup subur dari zaman ke zaman. Inilah hasrat dan harapan saya. Saya harap, sesiapa jua yang akan mengambil alih pucuk pimpinan ini dari saya akan terus memperjuangkan cita-cita suci ini demi kepentingan dan kebajikan rakyat Malaysia seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam keadaan, suasana dan semangat yang terdapat hari ini saya sukalah menyarankan supaya UMNO mempelopori usaha menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Saya merasai bahawa ini adalah penting supaya setiap tenaga rakyat dapat digembelungkan bagi menghadapi tiga cabaran besar negara supaya Malaysia yang kita sama-sama bina selama ini akan terus wujud sebagai sebuah negara yang aman, makmur, kukuh dan bersatu padu.

Untuk mencapai matlamat ini setiap rakyat tanpa mengira keturunan, ugama dan kebudayaan hendaklah memainkan peranan mereka masing-masing dengan melibatkan sepenuh tenaga dan kemampuan mereka dalam menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang berasaskan Dasar Ekonomi Baru. Dengan menentukan kejayaan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat berbilang kaum, sama ada di bandar mahupun di desa serta memastikan kejayaan menyusun semula masyarakat, kita akan dapat mencapai matlamat kita mengekalkan keamanan dan menjamin keselamatan negara.

Inilah cabaran besar kita di masa hadapan dan penglibatan parti dan rakyat merupakan faktor penting kearah pencapaian matlamat negara ini. Usaha-usaha mengekalkan perpaduan dan keharmonian kaum tidaklah semestinya bergantung kepada langkah-langkah Kerajaan semata-mata. Setiap rakyat yang cintakan keamanan dan ketenteraman serta ingin hidup dalam kebahagiaan dan kemakmuran, hendaklah memainkan peranan mereka sewajarnya.

(tambahan)

PEN. 10/76/ 101 (PM)
(hubungan 6)

Kejayaan matalamat ini boleh dicapai dengan penglibatan sepenuhnya dari seluruh masyarakat. Kerajaan hanya akan dapat menyediakan rangkadasar awam dan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Rakyat hendaklah bertindak untuk mendapatkan faedah dan nikmatnya.

Sebagai orang Islam kita mendapat petunjuk dari Al-Quran yang menegaskan dalam surah Aras'd ayat 11 yang bererti, "Sesungguhnya Allah tidak akan merubah nasib sesuatu kaum sehingga kaum itu sendiri sanggup merubah keadaan diri merikasendiri."

Untuk memahami tujuan dan rancangan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dengan lebih mendalam dan berkesan lagi, saya akan mengarahkan Ibu Pejabat UMNO Malaysia supaya membekalkan setiap Bahagian UMNO dengan buku Rancangan Malaysia Ketiga itu. Dengan jalan ini setiap Bahagian dapat memainkan peranannya dalam bidang pembangunan negara, serta menggerakkan penglibatan secara langsung oleh Ahli-Ahli UMNO khususnya dan orang-orang Melayu amnya.

Saudara-saudara sekalian,

Adalah amat penting bagi rakyat Malaysia, khasnya orang-orang Melayu, mempunyai semangat ketahanan yang kuat untuk maju dalam semua bidang perekonomian. Kita hendaklah menukar pemikiran dan cara penilaian hidup supaya bersikap lebih dinamis lagi, agar segala kemajuan dan kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga dapat kita sama-sama nikmati.


Itulah sebabnya saya telah menegaskan tadi pentingnya ahli-ahli UMNO bersatupadu kerana kalau kita asyik dengan pergolakan politik dan kalau kita hanya bercakaran sesama sendiri, peluang besar yang telah di sediakan akan tercicir begitu sahaja.

Satu lagi hekikat yang patut diterima dan difahami oleh ahli-ahli parti iaitu Rancangan Malaysia Ketiga yang berasaskan Dasar Ekonomi Baru adalah untuk faedah rakyat seluruhnya. Semua kaum yang miskin sama ada di bandar-bandar ataupun di desa, petani, nelayan, pekebun-pekebun kecil, pekerja-pekerja kilang, buruh-buruh atau peniaga-peniaga kecil akan sama-sama merasai nikmat ini dengan cara yang lebih adil dan saksama.

Saya sukalah menegaskan di sini bahawa kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga ini khususnya yang mengeni orang-orang Melayu berkehendakan penglibatan parti, ahli-ahli parti dan pemimpin-pemimpin parti. Tugas dan tanggungjawab ini tidak terpikul oleh saya seorang. Saya harapkan aktiviti-aktiviti kemajuan diperingkat bawah, di cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian hendaklah dilaksanakan dengan lebih pesat dan giat supaya kejayaannya dapat diketahui oleh pentadbiran pusat.

Kerajaan juga sedang mengkaji bagi menubuhkan satu jentera untuk mengawasi serta mengikuti kegiatan-kegiatan dan perkembangan-perkembangan kemajuan dan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan di peringkat-peringkat bawah (on the ground) bagi memastikan jentera pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga sentiasa berjalan dengan sempurna, licin dan teratur. Dengan jalan ini semua rancangan akan dapat dilaksanakan dalam jangka masa yang ditentukan.

(tambahan)



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN. 10/76/ 101 (PM)
(hubungan 7)

Saudara-saudara sekalian,

Masalah yang penting dan paling utama perlu kita fahami ialah berkenaan dengan keselamatan negara, di mana telah kita rasai betapa giatnya pihak-pihak anti-nasional dan anasir-anasir komunis dengan segala keganasannya cuba hendak menghancurkan negara kita, dan menghalang terlaksananya cita-cita nasional yang besar yang telah saya katakan tadi.

Sekalipun keselamatan negara kita sedang terganggu dengan keganasan-keganasan komunis dan gerakan anti-nasional, namun demikian saya dapat memberikan jaminan kepada saudara-saudara sekalian, bahawa berkat kegigihan dan kewaspadaan pentadbiran negara dan anggota-anggota pasukan keselamatan kita, keadaan yang mengancam itu telah dapat dikawal dan insya Allah akan tetap terkawal, dengan kerjasama rakyat.

Saya menaruh penuh keyakinan, seperti mana yang pernah saya katakan berulang-ulang kali, dan sentiasa saya akan berkata, bahawa selagi orang-orang Melayu masih tebal dengan kepercayaan agamanya, selagi orang-orang Melayu masih kokoh dengan pegangan agamanya, maka selama itulah fahaman komunis dan usaha-usaha komunis menguasai orang-orang Melayu dan negara ini akan tetap gagal.

Oleh kerana itu, adalah menjadi kewajipan kita dan kerajaan untuk meningkatkan kesedaran beragama ini, memperdalam pengertian agama, menerusi saluran-saluran yang telah kita sediakan seperti PUSAT ISLAM, INSTITUTE DAKWAH, agar badan-badan ini benar-benar bergerak sejajar dengan dasar kerajaan yang hendak memperimbangkan pembangunan Rohani dan Kebendaan.

Komunisma adalah musuh negara dan musuh Islam yang paling besar, tidak akan ada persesuaian sama sekali kedua-dua fahaman ini dalam bentuk apa sekalipun. Oleh kerana komunisma merupakan musuh utama kita, maka saya menyeru kepada semua golongan supaya sentiasa berwaspada setiap masa agar kita tidak sewenang-wenangnya dipergunakan oleh anasir-anasir subversif dan komunis untuk mencapai tujuan jahat mereka itu. Insyallah jika kita jujur dan ikhlas dalam segala usaha dan tindak kita, Tuhan akan sentiasa memberi perlindungan kepada kita.

Oleh kerana sedemikian besarnya ancaman yang sedang kita hadapi saya menggesa ahli-ahli UMNO supaya memahami keadaan ini dengan lebih serius lagi, serta cuba mengeneipkan perkara-perkara yang kecil. Janganlah menjadikan perkara-perkara kecil itu suatu issue yang besar sehingga kita melupakan musuh kita yang besar itu.

Di sinilah terletaknya peranan penerangan parti yang lebih tersusun dan rapi dan dengan ini saya suka mengarahkan badan penerangan ini supaya :-

Pertama: menyusun semula jentera penerangan parti dan menggerakkannya, bagi mengujudkan perpaduan dalam parti dalam tempuh yang sesingkat-singkatnya.

Kedua: Semua jentera parti dari Ibu Pejabat sampai ke cawangan-cawangan hendaklah digerakkan dengan lebih licin lagi bagi menyelaraskan semua kegiatan-kegiatan parti.

Ketiga: Kursus-kursus seperti ini hendaklah diadakan pada bila-bila masa yang dipandang sangat perlu, dan hendaklah meratai sehingga ke peringkat cawangan-cawangan.

(tambahan)

Keempat: Setiap anggota parti hendaklah mengambil tahu akan dasar dan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dan saya sendiri akan mengambil tahu pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga itu dengan seteliti-litinya.

Kelima: Setiap anggota parti dalam peringkat mana sekalipun hendaklah meletakkan kepercayaan kepada pimpinan parti dan sebarang masaalah yang timbul hendaklah diselesaikan dengan cermat, sabar dan secara mesyuarah.

Keenam: Bahagian Penyelidikan di Ibu Pejabat hendaklah bergiat dan bergerak lebih cergas lagi bagi menyelidiki sebarang keadaan dan memberi laporan kepada pemimpin-pemimpin parti.

Sebagai penutup saya suka mengulangi sekali lagi sebagaimana saya katakan tadi iaitu memang terdapat dalam mana-mana parti politik yang progresif di dunia ini, apatah lagi parti politik yang besar seperti UMNO ini, perselisihan faham dan pendapat, perbezaan pandangan dan pendirian. Tetapi setelah sesuatu keputusan diambil dengan suara terbanyak tiap-tiap ahli terutama pemimpin-pemimpin hendaklah patuh kepada keputusan itu.

Walau bagaimanapun sesuatu keputusan itu sekalipun merupakan keputusan muktamad, adalah sentiasa terbuka untuk dikaji dan diuji demi kepentingan parti seluruhnya. Jika terdapat pandangan dan pendapat yang lebih munasabah selepas keputusan tersebut dilaksanakan, pucuk pimpinan parti boleh menimbangakan langkah-langkah yang lebih wajar dan sesuai untuk mengatasi keputusan yang telah diambil itu.

Buat diri saya, adalah menjadi prinsip dan pendirian saya, patuh kepada sebarang keputusan parti yang diambil dengan suara terbanyak demi kepentingan perpaduan dan kebaikan parti. Sebagai pemimpin yang diamanahkan memegang teraju parti, saya akan memandu UMNO dengan segala kepayaan dan kemampuan saya ke matlamat perjuangan parti berpandukan Perlembagaannya dan berlandaskan kepada aturan dan peraturan yang telah ditetapkan.

Saya sanggup mengorbankan masa dan tenaga saya untuk berkhidmat kepada parti dan Kerajaan bagi mencapai matlamat perjuangan parti dan cita-cita negara demi kepentingan rakyat seluruhnya. Tetapi jika saya merasakan khidmat saya dalam parti merupakan halangan kepada pencapaian matlamat dan cita-cita parti, menyekat kemajuan dan perkembangan parti. boleh memusnahkan perpaduan dan keutuhan parti, saya rela, Insyallah Tuhan akan memberikan petunjuk ini kepada saya dan memberi kesedaran kepada saya, saya rela mengundur diri tanpa sebarang desakan dan tekanan demi mengekalkan perpaduan dan menjamin masa depan UMNO seluruhnya dan negara amnya.

Pada hemet saya, hakikat ini patutlah menjadi pendirian setiap pemimpin dan ahli dalam parti. Pada pendapat dan pandangan saya, tidak ada faedahnya kita terus kekal tinggal di tempat kedudukan kita dalam parti jika perbuatan kita itu boleh memecahbelahkan parti, menjejaskan perpaduan parti atau menimbulkan puak-puak dalam parti. Kita tentu merasai dan sedar atas reaksi-reaksi sokongan atau penentangan ramai dalam parti kita sendiri terhadap diri kita.

(tambahan)

PEN.10/76/101(PM)
(hubungan 9)

Sebagai pemimpin tertinggi parti bukanlah pula menjadi amalan saya mengambil sesuatu tindakan oleh kerana terdapat desakan atau tekanan. Saya tidak akan membuat sesuatu keputusan yang boleh menggambarkan seolah-olah saya tunduk kepada desakan dan tekanan ini. Saya suka mengambil tindakan dalam suasana dan keadaan yang tenang bagi membolehkan saya mengkaji dan meneliti terhadap kedudukan yang sebenarnya serta akibat dari semua aspek yang mungkin timbul dari tindakan saya itu. Saya tidak akan mengambil tindakan terburu-buru kerana tanpa kajian dan penelitian mendalam, saya bimbang tindakan saya itu akan merupakan satu penginayaan. Dan saya tidak sanggup dikutuk oleh Allah atas perbuatan salah saya itu yang mungkin melibatkan masa depan ahli dan parti.

Saya memohon semua pihak memahami prinsip dan pendirian saya ini. Selagi ada hayat saya, saya akan sentiasa berdiri di atas yang benar dan akan membuat sesuatu keputusan yang jujur dan ikhlas. Dan marilah kita bertawakkal kepada Allah.

Dengan pesanan dan harapan ini saya dengan amat sukacitanya meresmikan Kursus Khas Ketua-ketua Penerangan UMNO serta mendoakan selamat maju jaya. Semuga Allah memberkati segala usaha suci kita.


Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,
21hb Oktober, 1976.

(dikeluarkan pada pukul 9.30 malam)





siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia



11 - JAN 1977



No. Siri	220
No Penerimaan	1/77

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI